

Selusuri ciri-ciri calon pilihan rakyat

PILIHAN Raya Umum ke-13 (PRU13) pasti diadakan pada tahun ini. Gendang PRU13 sudah lama dipalu. Setiap parti politik dan individu yang ingin bertanding juga sudah lama memulakan langkah dan menggerakkan usaha untuk menyusun strategi masing-masing.

Isu 'winnable candidate' ataupun calon boleh menang juga sudah lama bergema, malah setiap ahli politik di negara kita mula menonjolkan diri membuktikan mereka calon yang mampu menang jika dipilih parti mereka.

Hakikatnya tidak ramai daripada kalangan calon, bakal calon mahupun parti politik yang benar-benar menyelami hati, perasaan dan kehendak rakyat yang menjadi pengundi serta penentu masa depan mereka berhubung ciri-ciri calon atau pemimpin yang rakyat mahu.

Sesiapa saja boleh mendabik dada mengeluarkan kenyataan dan menzahirkan keyakinan mereka calon yang mampu menang, tetapi hakikatnya apakah rakyat mahu mereka dan lebih penting lagi akan gundungi mereka kelak?

Ini dilema yang sedang melanda orang politik kita. Adakalanya sikap terlalu yakin ataupun sombong dan bongkak akhirnya makan diri dan kesudahannya mereka tersungkur secara mengejut walaupun mereka antara calon diramalkan mampu menang.

Punca utama kejadian seperti ini berlaku ialah kerana kegagalan parti mahupun individu calon memahami dan mengerti kehendak rakyat secara menyeluruh. Maka menjelang PRU13 yang bakal diadakan tidak lama lagi elok kiranya kita menilai seketika apakah ciri-ciri dan kriteria calon pilihan rakyat yang perlu ada pada setiap calon yang bakal bertanding ataupun bakal diketengahkan oleh parti masing-masing.

Antara ciri-ciri penting yang perlu ada ialah pertama memiliki nilai integriti yang tinggi. Hal ini wajar

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

menjadi kriteria utama pemilihan calon parti masing-masing. Mutaakhir ini terlalu banyak kes salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan membabitkan ahli politik mula didedahkan dan menarik perhatian khalayak.

Akibatnya rakyat kecewa, marah dan mula hilang keyakinan terhadap ahli politik. Kita tidak mahu kerana nila setitik rosak susu sebelanga kerana angkara seorang individu keseluruhan parti berkenaan dihukum rakyat.

Kedua, rakyat mengharapkan parti akan mengetengahkan lebih banyak calon muda, proaktif dan berpandangan jauh. Dalam hal ini budaya terlalu mengutamakan 'senioriti' atau orang lama atas alasan kesian, banyak berjasa dan menjaga hati perlu dielakkan.

Bukan kita tidak menghargai orang lama tetapi kita perlu terima hakikat setiap pemimpin ada zaman masing-masing. Yang lama perlu diganti dengan yang baru apabila tiba masanya demi kesinambungan dan kejayaan berterusan dan berkekalan.

Mengambil kira hasrat kita ingin menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 sudah semestinya kita memerlukan suntikan idea dan pemikiran orang muda yang bukan saja boleh memenuhi kehendak generasi mereka tetapi juga kehendak generasi lama.

Proses peralihan kuasa dan tanggungjawab daripada orang lama kepada orang baru perlu dilakukan dengan segera dalam keadaan harmoni dan semangat kekitaan yang tinggi.



PENGUNDI berhak memilih calon terbaik untuk mewakili mereka.

FAKTA

Kriteria calon pilihan rakyat

- **PERTAMA** - Memiliki nilai integriti tinggi. Terlalu banyak kes salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan menyebabkan rakyat hilang keyakinan terhadap ahli politik.
- **KEDUA** - Rakyat mengharapkan parti akan mengetengahkan lebih banyak calon muda, proaktif dan berpandangan jauh. Budaya terlalu mengutamakan 'senioriti' atau orang lama atas alasan kesian, banyak berjasa dan menjaga hati perlu dielakkan.
- **KETIGA** - Berpelajaran dan berkemahiran tinggi sekurangnya memiliki ijazah pertama. Kelayakan ini memudahkan pelaksanaan program transformasi.

Ciri ketiga yang perlu ada kepada calon yang ingin menjadi calon pilihan rakyat ialah berpelajaran dan berkemahiran tinggi. Adalah disyorkan agar parti politik dapat mengetengahkan calon yang sekurang-kurangnya memiliki ijazah pertama agar mereka dapat segera memahami dan menyesuaikan diri dengan segala program transformasi yang sedang dirancang dan dilaksanakan.

Untuk menyahut cabaran mendatang terutamanya menjadi negara maju kita perlukan modal insan dan pemimpin yang memiliki ilmu pengetahuan tinggi untuk terus memacu kecemerlangan negara kita. Justeru kemahiran memahami kehendak dan aspirasi rakyat tidak boleh dipandang rendah.

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED,

Universiti Putra Malaysia, Serdang.